



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN**

---

---

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2020**

---

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**Kertas 2**

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

4 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**  
[60 markah]  
*Jawab semua soalan*

- 1 (a) Nyatakan dua ciri bagi perniagaan Klinik Dr. Adwa dan Rakan.

[2 markah]

- (b) Nyatakan akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan berdasarkan urus niaga berikut:

Hutang lapuk terpulih sebanyak RM2 500
--

[2 markah]

- (c) Nyatakan perbelanjaan berikut sama ada merupakan perbelanjaan modal atau perbelanjaan hasil.

	Urus Niaga	Jenis Perbelanjaan
(i)	Pembelian alatan sukan	
(ii)	Penyelenggaraan alatan sukan	

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperolehi dari buku Sam Trading pada 31 Disember 2019.

	RM
Baki awal Akaun Belum Terima	7 000
Baki akhir Akaun Belum Terima	12 350
Jualan kredit	150 000

Hitungkan Tempoh Kutipan Hutang bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2019.

[2 markah]

- (e) Jualan pada bulan Januari 2021 adalah dijangka bernilai RM85 000. Jualan dijangka meningkat sebanyak satu per empat pada bulan Februari dan satu per lima pada bulan Mac. Kirakan jualan pada bulan Mac.

[2 markah]

- 2 Maklumat di bawah ini diambil daripada buku perniagaan Manaf. Beliau menghadapi masalah untuk menyediakan Penyata Kewangan kerana tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Berikut ialah maklumat daripada buku perniagaannya.

	1 April 2019	31 Mac 2020
	RM	RM
Lengkapan	6 300	7 920
Kenderaan	13 300	?
Inventori	4 420	4 650
Akaun Belum Terima	3 860	3 640
Bank	3 680	?
Tunai	-	?
Akaun Belum Bayar	3 660	4 050
Sewa Prabayar	2 500	1 900
Komisen Belum Terima	2 080	1 550
Kadar Bayaran Belum Bayar	-	1 670

Berikut adalah petikan Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai:

**Jurnal Penerimaan Tunai**

Butir	Tunai	Bank	Akaun Belum Terima	Jualan	Lain-lain Akaun
Akaun Belum Terima	6 860		6 860		
Komisen		2 660			2 660
Modal		10 000			10 000
Akaun Belum Terima		11 300	11 300		
Jualan	13 450			13 450	

**Jurnal Pembayaran Tunai**

Butir	Tunai	Bank	Akaun Belum Bayar	Belian	Lain-lain Akaun
Gaji		4 750			4 750
Kadar Bayaran	2 520				2 520
Akaun Belum Bayar		12 180	12 180		
Belian		3 680		3 680	
Ambilan	2 540				2 540
Lengkapan		3 820			3 820
Sewa		7 900			7 900
Insurans	2 580				2 580

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang tahun berakhir 31 Mac 2020.

	<b>RM</b>
Hutang Lapuk	1 820
Diskaun Diberi	780
Diskaun Diterima	995
Pulangan Masuk	2 560
Pulangan Keluar	2 550

- (ii) Pada tahun itu, Encik Manaf telah mengambil barang niaga bernilai RM315 sebulan untuk kegunaan keluarga.
- (iii) Sebuah kenderaan kegunaan sendiri bernilai RM7 800 yang dibawa masuk ke dalam perniagaan pada 1 Ogos 2019 belum direkodkan dalam mana-mana buku. Kenderaan disusut nilai 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [2 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [2 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020. [11 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2020. [10 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Matahari yang mengeluarkan perkakas elektrik di Kuala Pilah.

2019		RM
1 Januari	Inventori barang siap	15 000
	Inventori bahan langsung	5 570
31 Disember	Inventori barang siap	30 000
	Inventori bahan langsung	6 895
	Inventori alat-alat kecil	400
	Jualan barang siap	41 000
	Belian barang siap	12 800
	Belian bahan langsung	20 925
	Angkutan masuk bahan langsung	470
	Pulangan belian bahan langsung	5 925
	Gaji operator pengeluaran	5 278
	Gaji pengurus kilang	4 110
	Gaji pentadbiran pejabat	3 450
	Royalti	2 000
	Utiliti	1 655
	Sewa	2 850
	Insurans	1 240
	Susut nilai mesin kilang	1 200
Belian alat-alat kecil	1 800	
Kerja dalam proses	2 600	

**Maklumat Tambahan:**

- Insurans prabayar ialah RM550.
- Pembahagian belanja antara kilang dan pejabat ialah 60% dan 40% masing-masing.
- Pulangan belian bahan langsung terkurang catat RM420.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (i) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 [9 markah]
- (ii) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 [3 markah]

- 3 (b) Laila dan Jamal ialah pekongsi dalam Perkongsian LNJ. Ikatan Perjanjian Perkongsian mereka adalah seperti berikut:
- (i) Faedah atas ambilan dikenakan sebanyak 5% setahun.
  - (ii) Faedah atas modal dibayar 10% setahun.
  - (iii) Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun.
  - (iv) Laila menerima gaji setahun RM10 000 dan Jamal RM8 000.
  - (v) Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah 3:2

Maklumat berikut dipetik dari buku perniagaan pada 30 Jun 2020:

	RM
Modal pada 1 Julai 2019:	
Laila	30 000
Jamal	20 000
 Akaun Semasa pada 1 Julai 2019:	
Laila	2 400
Jamal	3 560 (debit)
 Ambilan:	
Laila	1 800
Jamal (1 Januari 2020)	1 600
 Gaji:	
Laila	5 000
Jamal	5 000
 Pinjaman – Laila	25 000
Faedah atas pinjaman	1 500
Untung bersih	43 160

Maklumat Tambahan :

- (i) Gaji pekerja belum bayar RM1 000.
- (ii) Belian perabot RM2 000 dirckod sebagai belian barang niaga.
- (ii) Bayaran oleh Akaun Belum Terima terlebih catat RM300.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (i) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020.  
(ambil kira maklumat tambahan)

[6 markah]

- (ii) Akaun Semasa setiap pekongsi (bcruangan).

[7 markah]

**Bahagian B**

[40 markah]

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 (a) Rita dan Shamim adalah pemilik Perkongsian Risha yang telah menjalankan perniagaan di Senawang Seremban. Mereka berkongsi untung dan rugi mengikut nisbah modal masing-masing. Berikut adalah Penyata Kedudukan Kewangan Perkongsian Risha pada 31 Julai 2020.

Perkongsian Risha Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2020			
<b><u>Aset Bukan Semasa</u></b>		<b><u>Ekuiti Pemilik</u></b>	
Alatan Pejabat	13 800	Akaun Modal Rita	30 000
Kenderaan	46 000	Akaun Modal Shamim	90 000
	59 800		120 000
<b><u>Aset Semasa</u></b>		Akaun Semasa Rita	9 404
Pelaburan	42 250	Akaun Semasa Shamim	16 097
Inventori	15 850		25 501
Akaun Belum Terima	28 760		
Bank	18 556	<b><u>Liabiliti Bukan Semasa</u></b>	
	105 416	Akaun Belum Bayar	19 715
	165 216		165 216

Rita dan Shamim bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka. Maklumat berikut ialah perkara-perkara yang berlaku semasa proses pembubaran:

- (i) Kenderaan telah diambil alih oleh Shamim dengan nilai RM30 010.
- (ii) Nilai pelaburan ialah RM40 000.
- (iii) Inventori telah dijual dengan harga RM12 000.
- (iv) Akaun Belum Terima telah diberikan diskaun sebanyak 10%.
- (v) Shamim telah menjelaskan semua baki Akaun Belum Bayar.
- (vi) Belanja peguam sebanyak RM1 750 telah dijelaskan.
- (vii) Semua penerimaan dan pembayaran melalui Akaun Bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- |                      |            |
|----------------------|------------|
| (i) Akaun Realisasi  | [5 markah] |
| (ii) Akaun Modal     | [2 markah] |
| (iii) Akaun Bank     | [3 markah] |
| (iv) Akaun Kenderaan | [1 markah] |

- 4 (b) Ringkasan maklumat berikut diperolehi dari Buku Tunai (ruangan bank) Perniagaan Setia bagi bulan April 2020.

	RM
Baki 1 April 2020	5 600
Jumlah penerimaan	20 600
Jumlah pembayaran	12 500
Baki 30 April 2020	?

Penyata Bank yang diterima pada 30 April menunjukkan baki yang berbeza. Perkara ini disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) Cek yang dibayar kepada Pembekal Lee dan Amy Enterprise berjumlah RM1 685 dan RM2 320 masing-masing belum dikemukakan untuk bayaran.
- (ii) Caj bank berjumlah RM75 masih belum direkodkan dalam Buku Tunai.
- (iii) Sekeping cek yang diterima daripada Anita telah dipulangkan oleh bank berjumlah RM894 kerana tak laku.
- (iv) Cek RM2 600 daripada Syarikat Permata telah didepositkan pada 21 April tetapi belum dikreditkan oleh bank.
- (v) Sekeping cek berjumlah RM4 120 yang dibayar kepada Rahman Trading tersalah catat dalam Buku Tunai sebagai RM1 420.
- (vi) Bank telah membayar premium insurans berjumlah RM720 atas perintah sedia ada.
- (vii) Bank telah mengkreditkan akaun Perniagaan Setia dengan faedah atas simpanan tetap sebanyak RM1 345

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2020.

[9 markah]



- 5 (a) Berikut adalah petikan Penyata Kedudukan Kewangan daripada Syarikat Mahmud Berhad pada 31 Disember 2019.

<b>Syarikat Mahmud Berhad</b>	
<b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019</b>	
<b><u>Ekuiti Pemilik</u></b>	RM
<b><u>Modal diterbitkan dan berbayar penuh</u></b>	
3 000 000 unit 7% Syer Keutamaan	6 000 000
2 000 000 unit Syer Biasa	2 000 000
	<b>8 000 000</b>

Keuntungan syarikat yang diagihkan untuk pembayaran dividen bagi tiga tahun kewangan berakhir 31 Disember dari 2017 hingga 2019 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Keuntungan untuk pembayaran dividen (RM)</b>	<b>Pembayaran Dividen 7% Syer Keutamaan (RM)</b>	<b>Pembayaran Dividen Syer Biasa (RM)</b>
2017	440 000	?	?
2018	370 000	?	?
2019	520 000	?	?

Jadual 1

Pembayaran dividen kepada pemegang syer adalah mengikut keutamaan.

**Anda dikehendaki:**

- (i) Menghitung pembayaran dividen bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa dari tahun 2017 hingga 2019. (Gunakan format jawapan seperti di Jadual 1) [4 markah]
- (ii) Menghitung kadar dividen syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. [2 markah]
- (iii) Berikan dua perbezaan antara Syer Keutamaan dan Syer Biasa. [2 markah]

5 (b) Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Alias pada 31 Mac 2020.

	RM
Perabot	50 820
Premis	72 300
Inventori	137 400
Akaun Belum Terima	38 100
Tunai	5 700
Untung bersih	59 100
Akaun Belum Bayar	52 200
Overdraf Bank	1 020

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2020:

- (i) Menjual satu perlima daripada inventori secara kredit pada harga RM33 300.
- (ii) Tunai dikeluarkan RM450 untuk membiayai yuran tuisyen anak pemilik.
- (iii) Bayar bil elektrik dan air dengan tunai RM1 350.
- (iv) Mengubah suai premis dengan tunai peribadi berjumlah RM17 000.
- (v) Membeli meja dengan tunai RM1 850.
- (vi) Terima cek daripada Akaun Belum Terima RM7 200 dan beri diskaun RM600.
- (vii) Beli barang niaga secara kredit berjumlah RM1 900.
- (viii) Bayar kepada pembekal dengan cek RM5 200 dan terima diskaun RM400.

Anda dikehendaki merekodkan kesan urus niaga ke atas aset dan liabiliti dalam jadual persamaan perakaunan di **LAMPIRAN 1** di muka surat 12 dan lampirkan bersama jawapan anda.

[12 markah]

- 6 (a) Perniagaan Elvina merekod Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan memperuntukkan RM300 sebagai dana tunai runcit. Penggunaan wang dalam bulan Julai adalah seperti berikut:

2020			RM
Julai	1	Baki b/b	45
		Terima cek dari ketua juruwang	?
	3	Minuman pelanggan	15
	6	Kertas dan dakwat pencetak	40
	12	Pos laju	30
	13	Baiki tingkap pejabat	25
	18	Pinjaman kepada pekerja am bernama Salim	60
	23	Baiki lampu pejabat	15
	26	Beli alas meja pejabat	35
	28	Belian barang niaga	50
	30	Salim menjelaskan pinjamannya	

- (ii) Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 31 Julai 2020 dengan menunjukkan lajur Alat tulis, Belanja Pos, Belanja Pejabat dan Pelbagai [8 markah]
- (ii) Apakah maksud Sistem Panjar Runcit? [2 markah]

- 6 (b) Jadual di bawah menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil bagi Kilang Kasut Sukan Farouk pada pelbagai peringkat keluaran.

Paras keluaran (unit)	0	2 000	4 000	6 000
Jumlah Kos (RM)	153 600	249 600	345 600	441 600
Jumlah Hasil (RM)	0	144 000	288 000	432 000

Kos tetap diandaikan malar.

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) kos berubah seunit [2 markah]
- (ii) harga jualan seunit [2 markah]
- (iii) titik pulang modal dalam pengeluaran kasut sukan [2 markah]
- (iv) Volum yang perlu dikeluarkan untuk mendapatkan keuntungan RM72 000 [2 markah]
- (v) titik pulang modal yang baru jika dalam jangka masa yang panjang, kos pengiklanan turun sebanyak 20%. [2 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT

## LAMPIRAN 1

Urusniaga	ASET						LIABILITI + EKUITI PEMILIK		
	Perabot	Premis	Inventori	Akaun Belum Terima	Bank	Tunai	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung bersih
Baki awal									
i.									
ii.									
iii.									
iv.									
v.									
vi.									
vii.									
viii.									